

24 JUL 2000

Mahathir-Perbezaan/I

MALAYSIA INC BANTU KURANGKAN PERBEZAAN KAUM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata konsep Persyarikatan Malaysia telah membantu mengurangkan perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Konsep itu telah membolehkan bagi perkhidmatan kerajaan yang didominasi bangsa Melayu dan sektor swasta yang dikuasai Cina untuk tidak memperbesar-besarkan perbezaan kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan adanya konsep Persyarikatan Malaysia, birokrat kerajaan lebih bersedia untuk lebih bersabar dengan ahli perniagaan Bumiputera yang masalah mereka biasanya lebih banyak dan membebankan berbanding kalangan bukan Bumiputera," katanya semasa merasmikan Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia 2000 di Hotel Istana di sini.

Hubungan kerja mereka yang rapat bukan sahaja menyumbang ke arah memudahkan perniagaan dan mengurangkan prosedur birokratik, tetapi juga memastikan pertumbuhan baik ekonomi Malaysia serta menggalakkan keharmonian kaum yang lebih baik, katanya.

Dr Mahathir berkata orang kerajaan dan sektor swasta bukan lagi asing di antara satu sama lain dan acara-acara tahunan seperti Kejohanan Golf Persyarikatan Malaysia membantu mengeratkan hubungan antara kedua-dua sektor dan juga dua kaum utama di Malaysia.

Dr Mahathir berkata konsep Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan pada 1983 telah mengambil masa untuk difahami, diterima dan diamalkan sebelum membuahkan hasil tetapi menjelang 1986, ekonomi mula semakin baik.

Mulai daripada itu ia terus tumbuh pada lebih 7 peratus setahun dan ia sepatutnya terus tumbuh sekiranya serangan terhadap ringgit tidak berlaku yang menjadi punca kepada kegawatan kewangan dan ekonomi.

"Kegawatan ekonomi yang disebabkan oleh penurunan nilai ringgit telah menguji konsep Persyarikatan Malaysia ke tahap maksimum. Jika hubungan antara sektor swasta dan awam teruk, Malaysia tidak akan dapat bertahan dengan tekanan yang berpunca daripada kemerosotan tiba-tiba ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun pendapatan kakitangan awam tidak begitu terjejas, kuasa membeli mereka berkurangan dengan melambungnya harga barangan dan keperluan utama akibat penurunan nilai ringgit dan adalah mudah bagi mereka untuk menyalahkan masyarakat peniaga kerana kenaikan harga itu dan taraf hidup mereka yang lebih rendah.

"Tetapi tidak berlaku permusuhan yang ditujukan terhadap masyarakat peniaga oleh kakitangan kerajaan. Di negara-negara lain, rusuhan kaum akan berlaku dan masyarakat peniaga biasa yang terdiri sebahagian besarnya daripada kaum berlainan ,diserang berulang kali," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan yang terdiri daripada kakitangan awam dan anggota yang dilantik, telah bekerja keras untuk memulihkan ekonomi semasa kegawatan dengan membantu sektor swasta untuk mendapatkan keuntungan maksimum.

Kakitangan awam dan anggota dilantik tahu bahawa golongan utama yang mendapat manfaat pada awalnya sekurang-kurangnya ialah sektor swasta tetapi mereka nampaknya sedar bahawa nasib mereka sendiri bergantung kepada kejayaan sektor swasta, katanya.

Dr Mahathir menekankan terhadap perlunya kerajaan dan sektor swasta mengekalkan hubungan bagi persefahaman bersama walaupun selepas pertukaran kepada Kerajaan Elektronik.

"Mungkin lebih banyak boleh dilakukan dalam satu masa yang diberikan

tetapi hubungan baik antara mereka yang terlibat harus menyumbang ke arah kerajaan yang lebih baik dan berperikemanusiaan. Sebuah kerajaan robot yang menangani secara elektronik masalah hubungan manusia mungkin efisien, tetapi ia akan memusnahkan masyarakat manusia," katanya.

Kerajaan katanya secara pilihan adalah mesra perniagaan dan pada masa yang sama tidaklah semata-mata pemurah kerana ia mendapat keuntungan yang baik daripada sikap mesra perniagaan.

"Kita tidak mendiskriminasikan antara rakyat tempatan dan asing kecuali terdapat alasan yang baik tetapi kita menyenangi pertumbuhan dan kesejahteraan negara dan rakyat sepanjang masa," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan merasakan bahawa ia telah menemui satu kawalan yang baik dalam konsep Persyarikatan Malaysia untuk meningkatkan pendapatan bagi pentadbiran dan pembangunan negara dan membalas balik pembayar cukai melalui perkhidmatan yang baik.

"Pendapatan itu bukanlah bagi pentadbiran untuk menikmatinya secara eksklusif. Ia bagi membayar sumbangannya terhadap tanggungjawab memungkinkan suasana yang baik bagi pembayar cukai menjalankan perniagaan untuk mencipta kekayaan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun konsep itu mungkin membawa kepada rasuah dan kronisme, pendekatan konfrontasi terhadap hubungan kerajaan dan sektor swasta boleh juga membawa kepada keadaan yang serupa.

"Apabila orang mempunyai nilai yang tidak baik, sebarang sistem akan membawa kepada penyalahgunaan. Dengan menyalahkan sistem itu tidak membantu menyelesaikan masalah. Adalah lebih baik untuk cuba menangani penyalahgunaan itu daripada menolak atau mengutuk satu sistem yang boleh membuahkan hasil yang baik," katanya.

Beliau berkata Malaysia membuat keputusan untuk menerima pakai konsep Persyarikatan Malaysia dengan mencontohi Persyarikatan Jepun, walaupun konsep itu telah dikritik hebat sebagai tidak elok, tidak berprinsip dan dianggap amalan yang tidak baik dan dikeji.

Dr Mahathir berharap sidang kemuncak itu akan dapat menyemarakkan semula semangat Persyarikatan Malaysia sebagai alat mengeratkan kerjasama sektor swasta-awam dan menekankan perlunya untuk meneruskan mendidik rakyat dan menyedarkan mereka mengenai faedah dasar itu.

Pendidikan itu perlu kerana masih terdapat salah tanggapan mengenai rasional dan objektif dasar itu, walaupun ia telah wujud buat sekian lama, katanya.

"Kerajaan komited untuk membina satu suasana terbuka dan mesra perniagaan kerana kita berusaha untuk merekacipta model perniagaan Malaysia bagi kurun ke-21.

"Kita harus memastikan Persyarikatan Malaysia sebagai satu dasar yang terbukti bukan hanya dikekalkan tetapi juga pelaksanaannya sentiasa dikaji dan diperkemas supaya ia akan menyumbang kepada sektor awam yang adil dan responsif, sektor swasta yang dinamik dan tenaga kerja yang produktif dan efisien yang bersama akan memberi khidmat lebih baik kepada negara," katanya.

Sidang kemuncak dua hari itu, anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), dihadiri kira-kira 600 peserta terdiri daripada peserta utama dalam masyarakat perniagaan dan para pegawai kanan kerajaan.

-- BERNAMA

AFY RON